

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : WISMA PUTRA, PUTRAJAYA
Tarikh : 21 APRIL 2003
**Tajuk : SEMBAH UCAPAN ALUAN DAN SEMBAH TAKLIMAT SEMPENA
LAWATAN KERJA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG KE-XII KE WISMA PUTRA**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH WABARAKATUH DAN SELAMAT PAGI.

AMPUN TUANKU,

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI PIHAK PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN LUAR NEGERI MENGAMBIL KESEMPATAN INI MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN SERTA MENJUNJUNG KASIH DI ATAS PERKENAN SERI PADUKA BAGINDA TUANKU BERANGKAT KE KEMENTERIAN LUAR NEGERI PADA PAGI BERSEJARAH INI.

AMPUN TUANKU,

SESUNGGUHNYA KEBERANGKATAN TUANKU AMAT DINANTI-NANTIKAN OLEH PATIK SEKELIAN DAN SUDAH TENTU SEKALI IANYA AKAN MENJADI SATU KENANGAN ABADI BUAT SEMUA WARGA WISMA PUTRA.

SEBENARNYA LAWATAN KERJA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU INI MERUPAKAN JULUNG-JULUNG KALI KEBERANGKATAN SEUMPAMANYA OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE KEMENTERIAN INI. PATIK SEKELIAN BERASA AMAT BANGGA KERANA LAWATAN SERI PADUKA BAGINDA TUANKU YANG BERSEJARAH INI DAPAT DILAKSANAKAN DI KOMPLEKS PEJABAT WISMA PUTRA YANG BARU DAN TERSERGAM INDAH. DIDALAM SUASANA TEMPAT KERJA YANG LEBIH SELASA INI, PATIK SEKELIAN BERAZAM MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIAMANAHKAN UNTUK MENEGAKAN KEPENTINGAN NEGARA DENGAN LEBIH BAIK LAGI.

AMPUN TUANKU,

SEMPENA KEBERANGKATAN SERI PADUKA BAGINDA TUANKU INI, PATIK AMAT BERBANGGA SEKALI MEMBUAT SEMBAH TAKLIMAT MENGENAI KEMENTERIAN LUAR NEGERI. * PATIK DENGAN INI MEMOHON PERKENAN TUANKU UNTUK MEMULAKAN SEMBAH TAKLIMAT MENGENAI KEMENTERIAN LUAR NEGERI. * SEMBAH TAKLIMAT PATIK INI AKAN MELIPUTI PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

- * MATLAMAT DAN TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN LUAR NEGERI;
- * SEJARAH RINGKAS PENUBUHAN;
- * DASAR LUAR NEGARA;
- * PROSES PENGUBALAN DASAR LUAR;
- * PERUBAHAN DASAR LUAR;
- * PENDEKATAN DIPLOMASI;
- * CARTA ORGANISASI DAN BIDANG TUGAS JABATAN-JABATAN;
- * PERWAKILAN-PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI;
- * PERWAKILAN-PERWAKILAN ASING DI MALAYSIA;
- * HARTANAH DI LUAR NEGERI;
- * KEGIATAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN DAN
- * ISU-ISU SEMASA.

AMPUN TUANKU,

(SEMBAH TAKLIMAT)

.....

.....

.....

(DI AKHIR SEMBAH TAKLIMAT)

AMPUN TUANKU,

DEMIKIANLAH SAHAJA SEMBAH TAKLIMAT PATIK. SEKIRANYA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU, MEMERLUKAN PENJELASAN LANJUT ATAU PUN MEMPUNYAI SEBARANG PERTANYAAN, PATIK ATAU PUN PEGAWAI-PEGAWAI PATIK YANG TURUT HADIR PADA PAGI INI BERSEDIA UNTUK MEMBERIKANNYA.

AMPUN TUANKU.

PANTUN SEMPENA LAWATAN SPB YANG DIPERTUAN AGONG KE WISMA PUTRA

Bunga kiambang bunga mawar
 Berkuntum mengharum wangi di atas peti
 Tuanku berangkat bersejarah bagi Wisma Putra
 Menabur budi mencemar Duli

Panji-panji berdaulat berkibar di sepanjang zaman
Jalur gemilang diletak menjadi lambang
Titah Paduka tersemat untuk pedoman
Memberi khidmat penuh cemerlang

Bunga Raya daun selasih
Dihimpun rapi di tepi anjung
Sekalung ungkapan menjunjung kasih
Daulat Tuanku Raja Disanjung